

PM beri 'ubat pahit' ubah pemikiran bangsa Melayu

BM 2 1 JUN 2002

KHAMIS, Khamis - Teguran Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dianggap "ubat pahit" dalam usaha mengubah pemikiran Melayu dan menjadi bangsa lebih cemerlang.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata suntikan ubat itu walaupun memeranjatkan, adalah azam Dr Mahathir yang mahu melihat perubahan demi kemajuan bangsa.

"Sebagai seorang doktor, beliau (Dr Mahathir) mahu suntik satu ubat yang walaupun pahit, kita kena terimalah kerana ia satu kenyataan. Ini adalah satu cabaran bagi semua Melayu," katanya.

Beliau mengulas ucapan dasar Dr Mahathir pada Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, berkata walaupun ada sedikit kemajuan yang dicapai orang Melayu, ia masih belum dapat bersaing dengan bangsa lain.

Sehubungan itu, beliau berkata, semua pemimpin Melayu perlu menggariskan satu tindakan radikal bagi menyusun langkah dalam mengubah pemikiran Melayu.

"Kita kena lihat pendekatan terbaru dalam mengubah Melayu. Dulu kita pernah lancarkan program revolusi mental tetapi kelemahan ini sudah melebihi kelemahan mental," katanya.

Naib Presiden Umno, Da-



**PERHIMPUNAN
AGUNG UMNO**
18 - 22 JUN 2002

tuk Seri Najib Tun Razak, berkata mesej utama Dr Mahathir ialah bahawa Umno adalah pertubuhan yang mampu mengubah Melayu ke arah kegemilangan.

Katanya, Umno juga pertubuhan berwibawa dan satu-satunya parti yang boleh menjamin perpaduan Melayu dan bergerak mengikut landasan Islam Sebenar.

"Strategi ucapan itu untuk menggesa Melayu rajin bekerja. Kalau kita tidak tahu sesuatu pekerjaan tetapi rajin dan sanggup menimba pengetahuan, lama kelamaan kita juga akan pandai," katanya.

Beliau berkata, saranan Dr Mahathir adalah usaha menyedarkan Melayu supaya tidak takut bersaing dengan kaum lain.

Katanya, perubahan minda mengambil masa yang lama dan pendekatan bergantung kepada pertolongan kerajaan, hak keistimewaan serta peruntukan seperti kuota akan hanya melemahkan daya saing dalam mencapai kejayaan lebih besar.

Sehubungan itu, katanya sudah tiba masa Melayu didedahkan kepada unsur persaingan yang semakin

hebat dengan tidak menjejaskan hak dan kepentingan Melayu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata kenyataan Presiden itu adalah ikhlas dan tegas bagi memastikan kemajuan Melayu dan Islam.

Syed Hamid berkata, ucapan itu akan diingati untuk masa lama kerana ia membabitkan masa depan bangsa.

"Dr Mahathir bercakap mengenai penyediaan pemikiran bangsa Melayu dan keperluannya kita membuat anjakan pemikiran supaya dapat bersaing dan mengekalkan kuasa Melayu," katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata pandangan Dr Mahathir khususnya masalah dan derita umat Islam di negara lain adalah perbandingan yang baik supaya orang Islam di Malaysia memperbaiki diri.

"Pandangan beliau dalam jiwa Melayu perlu dianggap suntikan baru. Perbandingan itu perlu menyentak orang Melayu memperbaiki diri dan minda masing-masing.

"Ucapan Perdana Menteri ini lebih mementingkan pembaharuan dan pendekatan dalam hidup dan perjuangan. Pandangan itu akan memberi Umno satu galakan dan aspirasi baru.

"Sebenarnya beliau menyalahkan diri sebagai perbandingan untuk menjolok orang Melayu supaya mereka sedar bahawa kuasa itu bukan untuk selama-lamanya dan mesti mula berdikari," katanya.